

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN:

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) kerugian yang dialami kesan bencana banjir baru-baru ini mengikut Kementerian dan negeri; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang meminda beberapa peraturan berkaitan bencana yang tidak sesuai lagi digunakan masa kini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Ekoran dari kejadian banjir ekstrem semasa musim tengkujuh yang lalu, Kerajaan telah mengalami kerugian yang sangat besar. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pengumuman Semakan Bajet 2015, kerosakan dan kerugian yang direkodkan khusus bagi harta benda dan infrastruktur awam adalah dianggarkan sebanyak RM2.9 billion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua agensi Kerajaan sedang menggunakan pakai Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Arahan tersebut menjelaskan mekanisme pengurusan bencana melalui penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah, negeri dan pusat. Jawatankuasa Pengurusan Bencana ini masing-masing diketuai oleh Pegawai Daerah, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Buat masa ini, dasar dan mekanisme pengurusan bencana yang sedang digunakan masih lagi relevan. Walau bagaimanapun, Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir dan Prosedur Operasi Standard (SOP) agensi-agensi pelaksana akan dikaji, disemak serta dikemaskini supaya keupayaan dalam menghadapi situasi banjir ekstrem dan keadaan di mana air naik secara pantas dapat ditambah baik.

Selain itu, Kerajaan sedang mengkaji model terbaik dalam pengurusan bencana yang dipraktikkan oleh beberapa negara yang sering dilanda malapetaka besar untuk diadaptasi dan digunakan di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTO Pengendalian Bencana Banjir telah dinyatakan bahawa sebaik sahaja amaran awal diberikan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, jentera pengurusan bencana khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menyediakan pusat pemindahan dan menempatkan bekalan makanan yang cukup untuk tempoh 7 hari ke pangkalan-pangkalan hadapan. Sejumlah 513 pangkalan hadapan telah disediakan bagi kegunaan penyimpanan bekalan makanan ini.

Selain itu juga, sebanyak 1,069 pembekal dikenal pasti untuk membantu bagi memastikan bekalan makanan dan keperluan asas mangsa dapat dibekalkan dengan segera ke pusat-pusat pemindahan yang memerlukan.

JKM juga telah mengambil langkah perlu bagi menambah baik pengurusan di pusat-pusat pemindahan. Antara yang telah dilaksanakan adalah penyediaan *collapsible partition* dan *collapsible tent* bagi tujuan penyediaan kawasan khas untuk golongan berkeperluan di dalam pusat pemindahan.

Sekian. Terima kasih.